

A. Lengahkan ayat-ayat di bawah ini dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Tayar belakang basikal Izhar _____ semasa dia dalam perjalanan ke kedai tadi. (pancet, pancit)
- 2 Kenaikan harga barangan membebankan masyarakat, terutamanya _____ (golongan, gulungan) yang berpendapatan rendah.
- 3 Tiada sesiapa pun yang menyangka bahawa Firdaus anak orang berada kerana pakaiannya _____ sahaja. (selekeh, selekih)
- 4 Ayah tidak dapat turun ke laut kerana sekarang ini musim _____. (tengkojoh, tengkujuh)
- 5 Mata-mata sedang _____ gerak-geri lelaki itu. (mengintip, mengintep)
- 6 Anisa menyertai pertandingan itu untuk mengasah bakatnya dalam bidang _____. (lakunan, lakonan)
- 7 _____ Tham Fook tercicir sewaktu dia mengeluarkan sesuatu dari kocek seluarnya. (Dompit, Dompit)
- 8 Menurut Doktor Ranjeet, kedudukan bayi dalam kandungan Puan Karmila _____. (songsang, sungsang)

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Balan mengetuk tin aluminium itu sehingga kemek sebelum memasukkannya ke dalam guni.

- 2 Badan budak lelaki itu melecor teruk kerana terkena air panas.

- 3 Kami tidak kering gusi mendengar celotih mak long.

- 4 Si Jalak bertenggik di atas dahan pokok mangga sambil berkokok.

- 5 Walaupun kakinya timpang, Azril pandai berenang.

- 6 Kawasan persekitaran sekolah yang bersih membolehkan murid-murid belajar dengan selisa.

- 7 Ibu membeli ikan dan sayur di pasar burong.

- 8 Abang Irfan akan menghantar wakil untuk merisik anak gadis Pak Hamdan.

[8 markah]